



9 Januari 2018
9 January 2018
P.U. (A) 3

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA
(BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

*DOMESTIC VIOLENCE (PRESCRIBED FORMS)
REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA
(BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 20(2)(b) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang yang Ditetapkan) 2018.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Januari 2018.

Borang

2. Borang yang perlu digunakan bagi maksud Akta hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Peralihan

3. Apa-apa yang berbangkit daripada permohonan bagi suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan yang masih belum selesai di hadapan mahkamah pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan dengan menggunakan pakai borang-borang di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pembatalan

4. Peraturan-Peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang yang Ditetapkan) 1999 [P.U. (A) 60/1999] dibatalkan.

JADUAL

[Peraturan 2]

BORANG 1

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3A]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA
(BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PERMOHONAN BAGI PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

Untuk kegunaan pejabat:

DALAM DAERAH/NEGERI _____
NO. DAFTAR KES: _____ TAHUN: _____

BAHAWASANYA SAYA _____

(*nama pemohon*) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport: _____

dengan ini membuat permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan berkenaan dengan _____ (*nama mangsa*)

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran: _____

terhadap _____

(*nama orang yang terhadapnya perintah itu diminta*) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport: _____

Catatan:

1. Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan hendaklah dibuat oleh—

- (a) mangsa;
- (b) peguam mangsa; atau
- (c) dalam hal jika mangsa itu ialah seorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu atau seorang pegawai kebajikan masyarakat selain pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa.

2. *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

No. Daftar Kes: _____

Perihalan keganasan rumah tangga:

Catatan: Sila nyatakan perihalan keganasan rumah tangga yang berkaitan yang hendaklah termasuk perbuatan keganasan rumah tangga itu, hubungan antara mangsa dengan orang yang terhadapnya perintah itu diminta, dan alamat di mana keganasan rumah tangga itu berlaku atau telah berlaku.

(Pemohon)

(Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa)

No. Daftar Kes: _____

Untuk kegunaan pejabat:

Keputusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa:

Cop Rasmi

(Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa)

Tarikh: